

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XXI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

2. Sila beri perincian :-

- (a) Keluasan kawasan paya bakau (*mangrove*) di negeri Pulau Pinang?
- (b) Adakah apa-apa projek sedang dilaksana ataupun dalam perancangan yang akan memberi kesan kepada keadaan asal kawasan *mangrove* ini?
- (c) Apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memelihara kawasan *mangrove* (paya bakau) ini?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. (a) Hutan paya bakau di Negeri Pulau Pinang adalah berkeluasan 1,045.04 hektar dengan perincian berikut:-
- (i) Hutan Paya Bakau berstatus Hutan Simpan Kekal seluas 381.04 hektar; dan
 - (ii) Hutan Paya Bakau dalam tanah Kerajaan seluas 664 hektar.

- (b) Tiada projek pembangunan yang sedang dilaksanakan atau lesen penebangan pokok bakau yang diluluskan di dalam kawasan Hutan Simpan Paya Bakau dan Hutan Paya Bakau dalam tanah Kerajaan di Negeri Pulau Pinang.
- (c) Tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memelihara kawasan paya bakau oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-
- (i) Pematuhan di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 yang menggariskan Dasar Spatial Utama (DSU) 10 : Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) seperti kawasan KSAS Berisiko Bencana, KSAS Bernilai Warisan dan KSAS Sokongan Hidup akan dipelihara dan dikekal di bawah Langkah ke-5 (DSU10 L5) iaitu “mengekalkan guna tanah hutan, belukar, kawasan paya, sungai/tasik dan tanah lapang/kawasan bukit bagi mencapai sasaran 30% daripada keluasan negeri sebagai Kawasan Hijau”;
- (ii) Memulakan proses melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk mewartakan 664 hektar kawasan hutan bakau dan hutan nipah dalam tanah Kerajaan dan tanah milik agensi sebagai Hutan Simpan Kekal yang terletak di lapan (8) kawasan berikut:-
- Penaga (200 hektar);
 - Air Hitam Dalam (10 hektar);
 - Sungai Perai (100 hektar);
 - Sungai Juru/Sungai Jawi (150 hektar);
 - Sungai Kerian / Sungai Chenaam / Sungai Udang (100 hektar);
 - Pantai Aceh (60 hektar);
 - Balik Pulau (40 hektar); dan
 - Batu Maung (4 hektar).

- (iii) Menggiatkan usaha penanaman semula pokok bakau dan spesies yang sesuai di pesisir pantai dari tahun 2005 sehingga tahun 2017 meliputi kawasan seluas 75.6 hektar; dan
- (iv) Menganjurkan kempen kesedaran penanaman pokok secara *hands-on* di hutan paya bakau dan pesisir pantai bersama pelajar sekolah, agensi kerajaan dan swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).